

54 tokoh dikurnia pingat kebesaran

Presiden Mahkamah Rayuan dahului senarai SMW bawa gelaran Datuk Seri

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim semalam berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada 54 individu sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026 di Istana Negara, di sini.

Turut berangkat ke istiadat itu ialah Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah.

Mendahului senarai penerima ialah Presiden Mahkamah Rayuan, Datuk Abu Bakar Jais yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Turut dikurniakan SMW ialah Hakim Besar Malaya, Datuk Hashim Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Fadlun Mak Ujud.

Istiadat itu turut menyaksikan

15 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk, didahului Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang.

Penerima PMW lain ialah Ketua Setiausaha Kementerian Digital, Fabian Bigar; Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan, Mohd Yani Daud; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Parang Abai @ Thomas serta

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, S Surrenderen.

Turut dikurniakan PMW ialah Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Badarudin Taha, Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi Polis Diraja Malaysia Pesuruhjaya Polis, Gilbert Philip Layang; Panglima Latihan dan Doktrin TLDM, Laksamana Muda Mohd Razib Tahir dan Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat Malaysia Sea Games Organising Committee (MASOC), Abdul Rashid Yaakub.

Penerima PMW lain ialah profesor daripada Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Norazah Mohd Suki; Pengarah Pusat Teknologi dan



Chang Lih Kang



Mohd Azam Ahmad



Sultan Ibrahim mengurniakan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah kepada Abu Bakar (kiri) dan Fadlun sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026 di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

Pengurusan Kriptologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Muhammad Rezal Kamel Ariffin; Naib Canselor Enforcement, Leadership and Management University (ELMU), Datuk Prof Dr Mohd Kassim Noor Mohamed; Pengurus OKA Marketing Sdn Bhd, Lim Chee Hong serta bekas atlet badminton negara, Soo Beng Kiang.

15 individu dikurnia JMW

Selain itu, 15 individu dikurniakan Johan Mahkota Wilayah (JMW) termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur Telekomunikasi) Kementerian Komunikasi, Mano Verabathran; Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Jefri Ngadirin; Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah dan Setiausaha Dewan Rakyat, Dr Nizam Mydin Bacha Mydin.

Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) dikurniakan kepada enam penerima pada istiadat sama antaranya Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh dan Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Rusnida Talib.

Istiadat yang berlangsung kira-kira sejam itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, barisan Jemaah Menteri serta dif kehormat.

BERNAMA